

Selagi ia dipimpin oleh
tokoh-tokoh pembangkang

'PM: MTUC 'PARTI LAWAN' MAY 1989

KUALA LUMPUR 3 Jun — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, beliau akan menganggap Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sebagai "parti lawan" selagi MTUC dipimpin oleh ahli-ahli parti pembangkang.

Katanya, beliau hairan bagaimana pkerja • pkerja boleh diwakili oleh pemimpin • pemimpin parti pembangkang termasuk yang berusaha secara aktif menarik balik Sistem Keutamaan Am (GSP) yang telah lama dinikmati oleh Malaysia.

"Saya tidak fikir mereka sebenarnya mewakili pkerja • pkerja. Maaflah, mungkin pandangan saya ini tidak menyenangkan mereka," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini tengah hari ini.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, beliau telah bersetuju untuk menemui Presiden MTUC, Encik Zainal Rampak selepas menerima suratnya dua hari lalu bagi membincangkan perkembangan dalam pergerakan buruh.

Katanya, beliau juga tidak keberatan sekiranya Setiausaha Agung MTUC, Encik V. David turut hadir dalam perbincangan tersebut yang akan ditetapkan kelak.

Perdana Menteri juga turut menolak dakwaan kononnya kerajaan terlibat dalam usaha untuk menubuhkan pusat baru untuk kesatuan skerja di negara ini.

"Kerajaan tidak terlibat dalam apa-apa usaha seumpama itu. Terpujanglah kepada para pkerja sendiri sama ada mereka

mahukan sebuah lagi pusat selain MTUC. Kerajaan tidak berhak menghalang mereka daripada mendaftarkan pusat baru itu," tegas beliau.

Ditanya adakah kerajaan menyokong penubuhan Pertubuhan Buruh Malaysia (MLO) yang dicadangkan itu Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, "soalnya bukanlah menyokong. Kita tidak mempunyai sebab untuk menghalang pendaftaran sesebuah pusat bagi pekerja. Itulah pendirian kita."

Scmasa ditanya adakah penganjur MLO mengambil petunjuk dari kenyataannya sebelum ini bahawa MTUC tidak seharusnya dijadikan alat politik, beliau berkata; "terpujanglah kepada mereka untuk mentafsirkannya. Kenyataan saya selagi pemimpin parti pembangkang menguasai MTUC, kita akan menganggapnya sebagai parti lawan kerana pendapatnya tidak berbeza dengan parti lawan."

Perdana Menteri berkata, beliau hairan bagaimana pkerja •pekerja boleh dipimpin oleh Encik V. David yang berusaha secara aktif supaya kemudahan di bawah skim GSP ditarik balik, yang boleh mengakibatkan kehilangan pekerjaan bagi ramai pkerja.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, Encik V. David masih berusaha supaya Amerika Syarikat menarik balik kemudahan GSP, berdasarkan kepada isu hak-hak kemanusiaan dan turut disokong oleh MTUC.

Beliau juga menegaskan, jika sistem GSP ditarik balik kira-kira 70 peratus kilang dan syarikat lain terpaksa ditutup, mengakibatkan kira-kira 80,000 orang hilang pekerjaan.

Perdana Menteri menegaskan, sekiranya sistem kemudahan GSP ditarik balik, pelabur • pelabur akan lari ke negara lain dan ia merugikan Malaysia yang kini bersaing dengan banyak negara untuk meningkatkan pelaburan.